

MAHATHIR - KELAPA

LANGKAWI, 25 DXS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENYERU SEMUA PIHAK MENGANGGAP INDUSTRI KELAPA SEBAGAI INDUSTRI YANG DAPAT MENGUNTUNGKAN NEGARA.

KATANYA, KELAPA MERUPAKAN KOMODITI YANG BANYAK PENGUNAAN DAN PARAPEKEBUNKECILKEPLAPA SEHARUSNYA TIDAK BERGANTUNG SEMATA-MATA KEPADA PASARAN KELAPA KERING DAN MINYAK KELAPA SAHAJA.

DALAM PERUTUSANNYA PADABUKU CENOERAMATA SEMPENA PESTA KELAPA ANTARABANGSA YANG BERMULA DI SINIESOK, BELIAU BERKATA MELALUI PESTA ITU YANG DLADAKAN BUAT KALIPERTAMANYA, SEMUA PESERTA DAN PENDUDUK TEMPATAN OAPAT MENGENAL ANTARA SATU SAMA LAIN UNTUK MENINGKATKAN INDUSTRI KELAPA.

DATUKSERIDR MAHATHIR BERHARAPPESTAITU DAPAT MEMPERKENALKAN MALAYSIA OENGAN LEBIHMELUASLAGI KEPADA NEGARA-NEGARA LUAR.

PERDANA MENTERI JUGA BERHARAP SEMUA ACARA SEPerti PERTANDINGAN, PAMERAN DAN PERSEMBAHAN KEAUDAYAAN YANG DIADAKAN SEMPENA PESTA ITU AKANMEMBUKTIKANKEKAYAAN MALAYSIA DARIPADA SEGI KEBUDAYAAN KEPADA PARA PELANCONG LUAR NEGERI. -- LAGI.

1129MST 25 12 87

R B838 DEB  
MAHATHIR - KELAPA 2 LANGKAWI

SEMENTARA ITU MENTERI PERTANIAN DATUKSERI SANUSIJUNID DALAM PERUTUSANNYA BERKATA KELAPA MERUPAKAN INDUSTRI YANG BERPOTENSI LUAS DAN TIDAK HANYA TERHAD KEPADA KELAPA KERING DAN MINYAK KELAPA.

MEMANDANGKANHAKIKAT ITU KEMENTERIANNYA MENGANJURKANPESTA KELAPA ANTARABNGSA ITU YANG JULUNG KALI DIADAKAN DI DUNIA SEBAGAI KEMPENUNTUKMENINGGIKAN TAHAP INDUSTRI KELAPA NEGARA INI.

BELIAU EERHARAP SEMINAR YANG AKAN DIADAKAN SEMPENA PESTA ITU AKAN DAPAT MEMBERI PELUANG KEPADA PARA PESERTA BERTUKAR-TUKAR FIKIRAN UNTUK MEMAJUKAN LAGI'INDUSTRI KELAPA. -- BERNAMA.

1130MST 25 12 07